


# KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

## Maksud Bekalan/Pembangunan 43



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
2,477,103,000	1,696,026,400	0	4,173,129,400

### OBJEKTIF

- (i) Mewujudkan dan melaksanakan perancangan yang setara untuk seluruh negara dengan memperkukuh dan mempergiatkan pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar di kawasan bandar dan luar bandar;
- (ii) Menggalak, memaju dan membimbing Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan perkhidmatan bandaran yang bermutu tinggi dan juga kemudahan-kemudahan sosial, rekreasi serta peluang ekonomi yang seimbang;
- (iii) Memastikan kemajuan perumahan yang sempurna, selesa dan seimbang lengkap dengan kemudahan sosial dan rekreasi;
- (iv) Memastikan keselamatan nyawa dan harta benda melalui perkhidmatan pencegahan dan pengawalan kebakaran dan ancaman daripada bahan-bahan berbahaya, penyelamatan yang cekap dan berkesan semasa kecemasan serta peningkatan pengetahuan orang awam terhadap bahaya kebakaran dan pencegahannya; dan

- (iv) Mewujudkan pembangunan landskap, taman dan rekreasi yang berkualiti secara menyeluruh di seluruh negara bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia negara taman.

## **PELANGGAN**

- (i) Agensi Persekutuan dan Badan Berkanun;
- (ii) Kerajaan Negeri;
- (iii) Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan lain serta orang awam;
- (iv) Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- (v) Pertubuhan antarabangsa.

## **STRATEGI**

- (i) Mempergiatkan urusan pengeluaran lesen pemaju dan permit iklan dan jualan bagi membantu merangsang pertumbuhan pembangunan dan ekonomi negara;
- (ii) Menyegerakan pelaksanaan projek-projek pembangunan, mengemas kini serta memantau perundangan yang berkaitan dengan Kerajaan tempatan dan mempertingkatkan perkhidmatan perbandaran menerusi projek pelupusan sisa pepejal dan kitar semula;
- (iii) Melaksanakan projek perumahan rakyat secara *design and build* dan memperkenalkan sistem binaan berindustri dalam pelaksanaan projek pembangunan landskap dan pengindahan negara; dan
- (iv) Meneruskan penyusunan semula struktur organisasi jabatan di Kementerian, memantapkan pengurusan kewangan dengan meneruskan pelaksanaan e-Perolehan dan e-SPKB, serta meningkatkan infrastruktur rangkaian komputer ke arah Kerajaan Elektronik dan perluasan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk meningkatkan mutu kerja.

## **PROGRAM 1 : PENGURUSAN AM**

**Objektif** – Menentukan pengurusan pentadbiran, personel dan kewangan diberikan dengan khidmat yang efisien dan berkualiti agar dapat menyumbang ke arah pelaksanaan dan pencapaian matlamat program Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan berkesan dan menentukan peraturan pelesenan, pengawasan dan penguatkuasaan selaras dengan akta dan peraturan yang berkaitan dengan industri perumahan swasta negara.

### Aktiviti 1 : Pejabat Menteri

**Objektif** – Melaksanakan serta memastikan objektif dan hala tuju kementerian dapat disampaikan kepada umum melalui program-program yang dirancang oleh kementerian.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. perjumpaan bersama komuniti	-	20	20

### Aktiviti 2 : Pejabat Timbalan Menteri

**Objektif** – Melaksanakan serta memastikan objektif dan hala tuju kementerian dapat disampaikan kepada umum melalui program-program yang dirancang oleh kementerian.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. perjumpaan bersama komuniti	-	10	10

### Aktiviti 3 : Pejabat Ketua Setiausaha

**Objektif** – Memastikan pencapaian program kementerian dilaksanakan dengan efisien dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Peratus pelaksanaan Program Transformasi (%)	-	55	55
Peratus pemantauan tadbir urus & akauntabiliti (%)	-	30	30

### Aktiviti 4 : Undang-Undang

**Objektif** – Memberi khidmat perundangan yang berkualiti, profesional dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Malaysia kepada kementerian serta jabatan dan agensi di bawahnya.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. khidmat nasihat diberi secara lisan dan bertulis	300	300	300
Bil. penggubalan undang-undang utama dan subsidari	10	10	10
Bil. penyemakan perjanjian/dokumen perundangan	100	100	150
Bil. penelitian kertas siasatan	30	30	200
Bil. pendakwaan	20	20	200

### Aktiviti 5 : Audit Dalam

**Objektif** – Membantu pihak pengurusan atasan mempertingkatkan tahap pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan serta menilai program dan aktiviti diuruskan dengan berhemat, cekap dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. Laporan Pengurusan Kewangan	6	9	10
Bil. Laporan Pengurusan Prestasi/Susulan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)	9	8	10
Bil. Lawatan Pemeriksaan Fizikal	80	90	100
Bil. Jawatankuasa Audit	40	4	4
Bil. Pemantauan LKAN/AG Dashboard	-	5	5

### Aktiviti 6 : Komunikasi Korporat

**Objektif** – Melaksanakan aktiviti komunikasi korporat selaras dengan konsep 1Malaysia melalui kepelbagaian aktiviti promosi dan publisiti.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. <i>advertorial</i> dikeluarkan	35	40	45
Bil. wawancara elektronik diadakan	15	20	25
Bil. sidang media diadakan	45	50	55
Bil. lawatan turun padang diadakan	18	30	35
Bil. malam media diadakan	1	1	1

### Aktiviti 7 : Integriti

**Objektif** – Meningkatkan integriti penjawat awam di kementerian melalui pelaksanaan program-program pengukuhan, pemantauan, pengurusan aduan berkaitan salah laku/jenayah dan pengurusan tatatertib yang berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. aktiviti latihan	12	12	12
Bil. semakan prosedur	5	10	10
Bil. urus setia mesyuarat JITU	1	3	3
Bil. laporan kepada SPRM	4	3	3
Bil. Mesyuarat Lembaga Tatatertib	2	2	2

### Aktiviti 8 : KPI

**Objektif** – Memastikan fokus ke atas Bidang Hasil Utama kementerian agar dapat meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. laporan KPI YBM	11	11	11
Bil. lawatan tapak KPI YBM	4	5	4
Bil. laporan KPI PPTPA Kementerian	1	4	12
Bil. bengkel MKPI	1	1	1

## PROGRAM 2 : PENGURUSAN

**Objektif** – Menentukan pengurusan pentadbiran, personel dan kewangan diberikan dengan khidmat yang efisien dan berkualiti agar dapat menyumbang ke arah pelaksanaan dan pencapaian matlamat program kementerian dengan berkesan dan menentukan peraturan pelesenan, pengawasan dan penguatkuasaan selaras dengan akta dan peraturan yang berkaitan dengan industri perumahan swasta negara.

### Aktiviti 1 : Sumber Manusia

**Objektif** – Merancang, membangun dan mengurus sumber manusia dengan cekap dan efisien.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. pengurusan dan penyelarasan urusan perjawatan (HRMIS, laporan perjawatan, pengisian dan kekosongan, penyusunan semula organisasi, kajian dan pindaan skim)	32	32	32
Bil. pengurusan dan penyelarasan urusan perkhidmatan (pengambilan, penempatan, pengesahan lantikan/perkhidmatan, pemberian taraf berpencen, persaraan)	640	640	650
Bil. pengurusan dan penyelarasan urusan kenaikan pangkat	18	18	18
Bil. pengurusan dan penyelarasan urusan latihan kursus wajib, kursus dalam negara dan kursus luar negara	273	173	130

### Aktiviti 2 : Kewangan dan Perolehan

**Objektif** – Memberi perkhidmatan pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan dalam memenuhi keperluan jabatan/bahagian di kementerian dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan kementerian.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. pengeluaran waran peruntukan mengurus	120	120	120
Bil. baucar bayaran tuntutan perjalanan	4,000	4,000	4,500
Bil. penyata perubahan gaji	3,000	3,000	3,000
Bil. mesyuarat tender dan sebut harga diuruskan	44	44	44
Bil. laporan perbelanjaan mingguan vot mengurus dan pembangunan dikeluarkan	100	100	48

### Aktiviti 3 : Khidmat Pengurusan

**Objektif** – Menyediakan khidmat sokongan dari segi pentadbiran am, pengurusan aset, hal ehwal keselamatan, dokumentasi dan protokol serta pengurusan kenderaan kementerian yang berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Penyelenggaraan Pejabat	2	2	2
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan	4	4	4
Bil. pemeriksaan aset dilakukan	1	1	1
Bil. pemeriksaan verifikasi stok	1	1	1
Bil. khidmat nasihat & bantuan protokol majlis rasmi anjuran kementerian	5	5	5

#### Aktiviti 4 : Teknologi Maklumat

**Objektif** – Menyediakan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di KPKT dan mewujudkan satu sistem pengurusan maklumat bersepadu Kementerian bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan berasaskan perkhidmatan teras KPKT.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Peratus penggunaan storan di Pusat Data tidak melebihi penanda aras yang telah ditetapkan (%)	-	75	75
Bil. penyelesaian masalah ICT yang diselesaikan ketika lawatan <i>preventive maintenance</i>	-	75	75
Bil. penyelenggaraan aset ICT yang diselesaikan dalam tempoh 5 hari bekerja yang tidak melibatkan perolehan alat ganti atau khidmat pembekal berdasarkan aduan pengguna	1,300	800	700
Bil. <i>vulnerabilities</i> yang ditemui daripada imbasan yang telah dibuat pengukuhan	-	60	60
Peratus pencapaian dan pematuhan perolehan dan projek ICT yang diluluskan oleh JPICT (%)	-	85	90

#### Aktiviti 5 : Akaun

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan dan pelaporan perakaunan dan kewangan yang cekap dan telus.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. Penyata Kewangan disediakan dalam tempoh 90 hari dari tarikh penutupan akaun	-	1	1
Peratus aduan berkaitan sistem perakaunan diselesaikan dalam tempoh piagam pelanggan (%)	-	80	80
Peratus peningkatan kefahaman pegawai berdasarkan kaji selidik sebelum dan selepas kursus/latihan (%)	-	20	20
Peratus bayaran yang diselesaikan dalam tempoh piagam pelanggan (%)	-	90	95
Peratus penyata pemungut yang diperakaunkan dalam tempoh piagam pelanggan (%)	-	90	95

### PROGRAM 3 : DASAR DAN PEMBANGUNAN

**Objektif** - Merancang, menyelaraskan dan memantau proses pelaksanaan dasar dan program pembangunan Kementerian.

#### Aktiviti 1 : Dasar dan Inspektorat

**Objektif** – (a) Memastikan dasar-dasar yang dirancang dan dilaksanakan di peringkat jabatan, agensi dan bahagian selaras dengan visi, misi dan matlamat Kementerian; (b) Memastikan penyampaian perkhidmatan Kementerian dan PBT mematuhi dasar dan peraturan yang dikuatkuasakan; dan (c) Memastikan perangkaan dan analisis yang diterbitkan adalah sahih, tepat dan terkini.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Peratus penyediaan kertas pertimbangan yang selari dengan visi Kementerian dan nasional serta amalan terbaik penggubalan peraturan (%)	-	95	100
Bil. mesyuarat JPP diadakan dalam tempoh yang ditetapkan	5	6	6
Peratus pencapaian tindakan pelan strategik Kementerian (%)	84	100	95
Peratus pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Kementerian (%)	90	95	95
Bil. mesyuarat SKT yang diadakan dalam tempoh yang ditetapkan	2	2	2

#### Aktiviti 2 : Pembangunan dan Pelaksanaan Projek

**Objektif** – Memastikan pelaksanaan program, projek dan aktiviti pembangunan mengikut masa yang dipersetujui, kos yang ekonomik dan kualiti yang memenuhi kehendak pelanggan dengan cara merancang belanjawan dengan lebih efisien, melaksana dan menyelenggara projek mengikut jadual yang ditetapkan, memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan agar berjalan dengan lancar dan berkualiti dan menilai pelaksanaan program pembangunan bagi mencapai impak dan *outcome* yang sebenar.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. mesyuarat pemantauan projek pembangunan (Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pemantauan Projek Pembangunan Kementerian, Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS), Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah Persekutuan (JPPPTP))	34	34	34
Bil. perakuan bayaran interim projek-projek pembangunan	250	250	250
Bil. laporan prestasi kemajuan fizikal dan kewangan projek pembangunan	12	12	12
Bil. laporan kemajuan fizikal dan kewangan kepada Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri	12	12	12
Bil. lawatan/mesyuarat tapak	150	150	460

### Aktiviti 3 : Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa

**Objektif** – Menentukan perancangan korporat serta pelaksanaan dasar dan strategi kementerian dilaksanakan secara bersepadu dan berkesan untuk mewujudkan dan membangunkan penempatan manusia yang lebih sempurna.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. penyediaan/penyelarasan memorandum/nota Mesyuarat Jemaah Menteri	30	30	30
Bil. penyediaan dan penyelarasan laporan maklum balas mesyuarat-mesyuarat utama kerajaan	250	250	250
Bil. mesyuarat Pasca Kabinet dan Mesyuarat Pengurusan kementerian	48	50	50
Bil. penyelarasan lawatan delegasi kementerian ke luar negara	5	5	5
Bil. penyelarasan dan dokumentasi MS ISO 9001:2008	8	8	8

### PROGRAM 4 : KESEJAHTERAAN BANDAR

#### Aktiviti 1 : Kesejahteraan Bandar

**Objektif** - Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar bertujuan untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah di bandar meningkatkan kualiti hidup di samping mengurangkan beban tanggungan keluarga.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. penerima Bantuan Sewa Rumah	6,641	6,720	10,000
Bil. penerima Bantuan Perumahan Bandar (Bantuan Bina Baru Rumah)	222	208	300
Bil. penerima Bantuan Perumahan Bandar (Bantuan Baik Pulih Rumah)	86	100	18,600
Bil. penerima bantuan Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan (AZAM Bandar)	2,587	2,200	3,000
Bil. penerima Bantuan Kios Penjaja Bergerak	221	133	300

#### Aktiviti 2 : Perkhidmatan Perbandaran

**Objektif** - Meningkatkan kualiti pengurusan bangunan berstrata dan kualiti perumahan kos rendah awam dan swasta.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. projek perumahan kos rendah awam dapat dibaik pulih	34	35	35
Bil. projek perumahan kos rendah dan sederhana swasta dapat dibaik pulih	96	113	80
Bil. peningkatan kefahaman peserta berkaitan pengurusan bangunan berstrata	5,040	5,500	5,500
Peratus aduan dapat diberikan maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan (%)	91.64	100	100



### Aktiviti 3 : Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai

**Objektif** - (a) Memastikan hanya pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai yang berkelayakan dan beretika sahaja yang dilesenkan; (b) Meningkatkan kualiti, produktiviti dan keberkesanan penguatkuasaan; dan (c) Meningkatkan kesedaran awam berkaitan perundangan dan aktiviti pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. pemantauan premis pemberi pinjaman wang	1,441	1,200	1,200
Bil. pemantauan premis pemegang pajak gadai	246	200	200
Bil. pemantauan lelongan awam pajak gadai	311	300	300
Bil. pembaharuan lesen pemberi pinjam wang	1,816	629	1,850
Bil. pembaharuan lesen pemegang pajak gadai	64	325	70

### PROGRAM 5 : TRIBUNAL PERUMAHAN DAN PENGURUSAN STRATA

**Objektif** – Menyediakan forum alternatif untuk mendengar dan mengadili tuntutan pembeli rumah yang menuntut ganti rugi/pampasan daripada pemaju perumahan dengan cara mudah, murah dan cepat.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. pemfailan kes	1,100	4,000	5,600
Bil. khidmat nasihat dari segi perundangan	7	32	56
Bil. perundangan kes-kes diselesaikan di luar tribunal	30	74	120
Bil. lawatan tapak/rumah pembeli	300	2,080	4,480

### PROGRAM 6 : PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

**Objektif** – (a) Mengukuhkan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan selaras dengan matlamat negara; (b) Mengatur, mengawal dan menyelaraskan pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan akta-akta berkaitan; (c) Menggubal dan melaksana kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian yang berkesan oleh semua agensi di peringkat perancangan; dan (d) Memastikan perkhidmatan perancangan bandar dan sistem maklumat yang berkualiti bagi keperluan perancangan jangka panjang.

#### Aktiviti 1 : Pengurusan

**Objektif** – Mengurus hal ehwal pentadbiran am, perkhidmatan perjawatan dan sumber kewangan yang cekap, tepat dan teratur.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. pesanan tempatan dihasilkan	1,800	1,800	1,600
Bil. tuntutan perjalanan diproses	3,500	3,500	3,600
Bil. baucar berasingan bagi gaji elaun	35	35	70

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. pembaikan mesin-mesin	60	60	65
Bil. borang pinjaman kenderaan/komputer diproses	10	10	15

## Aktiviti 2 : Perancangan

**Objektif** – (a) Menyediakan Rancangan Pemajuan untuk Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memaju, mengawal dan menyelaras pemajuan dan penggunaan tanah ke arah menjamin pembangunan yang mampan; dan (b) Menyediakan kajian-kajian Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Desa, Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan, Publisiti dan Penyertaan Awam, Rancangan Kawasan Khas dan Penambahbaikan Prosedur Rancangan Pemajuan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. Rancangan Tempatan	-	-	3
Bil. Rancangan Kawasan Khas	7	7	3

## Aktiviti 3 : Pembangunan

**Objektif** – (a) Menyelaras penyelidikan berhubung aspek perancangan bandar dan menghasilkan produk bertaraf dunia melalui penyelidikan dan pembangunan yang inovatif, aplikasi teknologi canggih dan kerjasama yang strategik dalam bidang fizik; (b) Mewujudkan sistem pemakaian undang-undang perancangan bandar dan desa yang seragam dan berkesan bagi semua negeri dan PBT di seluruh negara; dan (c) Membangun dan mengurus pangkalan data guna tanah negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. pengumpulan maklumat	10,000	8,000	6,000
Bil. kertas kerja/memorandum	50	50	40
Bil. maklum balas Parlimen	60	60	50
Bil. penyediaan kaedah dan garis panduan di bawah Akta 172	2	1	1

## PROGRAM 7 : PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA

**Objektif** – (a) Mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang bersepadu di seluruh negara dengan menitikberatkan kesihatan awam, pemeliharaan alam sekitar dan pemilihan teknologi yang cekap dan berkesan; (b) Memainkan peranan sebagai institusi yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dasar-dasar, pelan-pelan strategi dan program-program yang dikenal pasti; (c) Bertanggungjawab menentukan kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan (Persekutuan, Negeri dan PBT), pihak swasta dan masyarakat selaras dengan objektif-objektif yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan; dan (d) Bertanggungjawab merealisasikan misi Kerajaan untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang komprehensif dan berkesan di mana aspek-aspek ekonomi, alam sekitar, perundangan dan pentadbiran diberi pertimbangan sewajarnya.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. fasiliti dibina yang mematuhi peraturan dan piawaian Jabatan Alam Sekitar	3	3	4
Bil. tapak pelupusan siap dinaik taraf	2	5	8
Bil. tapak pelupusan sanitari baru yang siap dibina	-	1	4
Bil. kelulusan lesen perkhidmatan dalam tempoh 14 hari bekerja	300	300	300

## PROGRAM 8 : KERAJAAN TEMPATAN

**Objektif** – Membantu, membimbing dan menggalakkan PBT merancang, mengawal dan melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi dan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti serta kemudahan sosial dan rekreasi bagi memenuhi keperluan penduduk serta meningkatkan peluang ekonomi.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. PBT yang menerima bayaran Sumbangan Membantu Kadar (SMK)	154	154	154
Bil. PBT yang mengguna pakai dan mematuhi Akta, Undang-undang Kecil, Pekeliling dan Garis Panduan	5	5	5
Bil. kempen/seminar di bawah Program Kesihatan Persekitaran	2	2	2
Bil. pemasangan CCTV Fasa 2	149	496	496
Bil. PBT yang mengguna pakai sekurang-kurangnya 10 subsistem/modul dalam Sistem ePBT	30	60	60

## PROGRAM 9 : PERUMAHAN NEGARA

**Objektif** – Memastikan pembangunan sektor perumahan yang sempurna, berkualiti dan lebih teratur untuk dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. Projek Perumahan Rakyat disiapkan	7	9	6
Bil. permohonan pinjaman perumahan kepada golongan berpendapatan rendah diluluskan	300	400	500
Bil. kelulusan Skim MyHome	10,075	7,000	7,000
Bil. pemantauan projek perumahan swasta berlesen	19,501	19,385	9,844
Bil. aktiviti penguatkuasaan ke atas pemaju perumahan berlesen	2,454	1,440	1,480

## PROGRAM 10 : LANDSKAP NEGARA

**Objektif** – (a) Mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, indah, selesa dan selamat; (b) Memandu dan mengawal selia pembangunan landskap seluruh negara melalui penggubalan dan penguatkuasaan dasar, peraturan dan akta berkaitan; (c) Memelihara keseimbangan

antara pembangunan projek dan alam sekitar melalui pembangunan landskap yang berkualiti; (d) Memastikan pembangunan landskap, taman-taman awam, kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang berkualiti, berdaya maju dan *cost effective*; (e) Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran awam dalam pembangunan, pengurusan dan penggunaan landskap dan kemudahan-kemudahan rekreasi; dan (f) Memastikan profesionalisme dalam amalan perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap negara.

Objektif yang digariskan ini adalah bagi tujuan: (a) Selari dengan visi DLN iaitu untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020; (b) Meningkatkan kesejahteraan rakyat; dan (c) Memulihara sumber semula jadi dengan membangunkan lebih banyak ruang untuk kawasan hijau di bandar-bandar utama.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. projek pembangunan taman awam	30	14	23
Bil. pembangunan Pelan Induk Landskap	30	3	7
Bil. promosi landskap yang dijalankan	8	1	2
Bil. penyelidikan dan pemuliharaan landskap yang dijalankan	13	3	5
Bil. pengurusan dan penyelenggaraan landskap dan taman awam yang dilaksanakan	30	22	31

## PROGRAM 11 : BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

**Objektif** – Memberikan perkhidmatan pencegahan dan pemadaman kebakaran, menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan kebakaran dan memadam kebakaran serta menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan.

### Aktiviti 1 : Pengurusan

**Objektif** – Memberikan perkhidmatan pengurusan yang cekap dan berkesan bagi melicinkan pelaksanaan perkhidmatan kebombaian dan pentadbiran jabatan secara keseluruhan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. aduan yang diuruskan	184	200	200
Bil. urusan pengambilan/naik pangkat	652/152	956/50	531/150
Bil. baucar bayaran disediakan	31,000	32,000	35,000
Bil. penyelenggaraan ICT	2,000	2,500	2,600

### Aktiviti 2 : Latihan

**Objektif** – (a) Menjana tenaga manusia yang kompeten, profesional dan berkualiti dalam bidang kebombaian dan keselamatan kebakaran; (b) Menanam kesedaran dan kesefahaman keselamatan kebakaran menyeluruh kepada setiap lapisan masyarakat; (c) Menjadi pusat kecemerlangan dan pusat rujukan dalam bidang latihan kebombaian dan keselamatan kebakaran; dan (d) Menyemarakkan pembangunan tenaga manusia serta perkembangan kerjaya dalam perkhidmatan penyelamatan dan kebombaian.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. kursus <i>functional</i> oleh pihak swasta dalam negara	70	70	70
Bil. kursus <i>functional</i> oleh pakar luar negara	6	6	6
Bil. kursus umum diadakan	105	105	105
Bil. kursus pengukuhan yang diadakan	400	400	400
Bil. pegawai mengikut kursus/seminar di luar negara	25	25	25

### Aktiviti 3 : Pembangunan

**Objektif** – Mewujudkan prasarana jabatan di seluruh negara untuk menyediakan perkhidmatan penyelamatan, pemadaman kebakaran, pencegahan kebakaran, penguatkuasaan undang-undang berkaitan serta khidmat kemanusiaan dengan cekap dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. permohonan tapak balai bomba baru	5	15	20
Bil. pembinaan bangunan	3	11	22
Bil. perolehan jentera dan peralatan	3	3	4
Bil. naik taraf bangunan	-	10	2

### Aktiviti 4 : Operasi Kebombaan dan Penyelamat

**Objektif** – Memastikan setiap operasi kebombaan dijalankan dengan cekap, berkesan dan bersestematik untuk menyelamatkan nyawa, harta benda dan alam sekitar bagi mencapai misi jabatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. panggilan kebakaran	54,540	35,000	40,000
Bil. panggilan menyelamat	42,712	35,000	40,000
Bil. pili bomba yang diselenggara	2,089	1,750	1,750

### Aktiviti 5 : Keselamatan Kebakaran

**Objektif** – (a) Menentukan dasar keselamatan kebakaran, kemudahan pemasangan keselamatan dan keperluan hal-hal yang berkaitan keselamatan kebakaran ke atas sesuatu cadangan pemajuan pembangunan sebelum dilaksanakan; (b) Menilai dan membuat kajian keperluan mengenai aspek keselamatan kebakaran dan memberi nasihat bagi sesuatu premis kepada PBT dan juga agensi pengeluar lesen; (c) Menguatkuasa Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dalam peruntukan berkaitan Perakuan Bomba dan Penghapusan Bahaya Kebakaran; dan (d) Mengawal selia dan mendaftar pihak-pihak yang terlibat dengan industri keselamatan dan kebakaran.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. pelan arkitek, mekanikal & elektrik yang diproses	21,876	22,000	22,500
Bil. pelesenan yang diproses	24,605	15,000	15,000
Bil. pemeriksaan bangunan	14,859	13,000	14,000

## Aktiviti 6 : Kejuruteraan Jentera

**Objektif** – Memastikan jentera dan peralatan kebombaian bermotor di jabatan berfungsi dengan baik, berekonomi dan selamat bagi memberikan perkhidmatan kebombaian yang berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. kerja mencegah kerosakan kereta bomba	9,640	9,000	9,000
Bil. kerja penyelenggaraan pembaikan kecil	10,898	8,000	8,000
Bil. kerja penyelenggaraan dan pembaikan besar	22	40	45

## Aktiviti 7 : Udara

**Objektif** – (a) Menyediakan operasi kebombaian melalui udara secara strategik, cepat dan berkesan demi menyelamatkan nyawa, harta benda dan alam sekitar; (b) Menyediakan perkhidmatan udara untuk melaksanakan misi-misi kebombaian; dan (c) Memastikan sebarang tindakan operasi dirancang dan dilaksanakan dengan cepat.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. penerbangan pesawat udara (latihan)	400	500	600
Bil. penerbangan pesawat udara (operasi)	550	600	650
Bil. pasukan penyelamat khas (latihan)	80	100	150
Bil. latihan pasukan penyelamat khas (operasi)	150	150	200

## Aktiviti 8 : Penyiasatan Kebakaran

**Objektif** – Menyiasat setiap kebakaran untuk menentukan punca, sebab dan hal keadaan kebakaran.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. penyiasatan bangunan	7,134	7,000	7,200
Bil. penyiasatan kenderaan	2,702	2,500	2,700
Bil. penyiasatan kertas siasatan	536	250	270
Bil. kes didaftarkan di mahkamah	306	120	140

## Aktiviti 9 : Perancangan dan Penyelidikan

**Objektif** – Penyelidikan kebombaian yang sistematik, *reliable* dan berkesan bagi memastikan teknologi terkini dapat diadaptasi dan diaplikasikan dalam setiap perkhidmatan kebombaian kepada masyarakat sejajar dengan visi dan misi jabatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. penyelidikan teknologi terbaru	58	55	55
Bil. penyelidikan peralatan kebombaian	50	40	40
Bil. penyelidikan kajian keselamatan kebakaran	30	25	25